


1249/2
Sejarah
Tingkatan 5
November 2022
2 ½ Jam



SMK PUTRAJAYA PRESINT 18(1), PUTRAJAYA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TINGKATAN 5 SESI 2022/2023 SEJARAH DUA JAM TIGA PULUH MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab **SEMUA** soalan dalam **Bahagian A**.
Tuliskan jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
3. Jawab **TIGA** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawab soalan Bahagian B diatas kertas yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
9. Serahkan semua kertas jawapan anda di akhir peperiksaan.

UNTUK KEGUNAAN Pemeriksa

BAHAGI AN	SOALA N	MARKA H
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
JUMLAH		

Disediakan oleh :

(NUR ATIKAH BINTI ISMAIL)
Ketua Panitia Sejarah
SMK Putrajaya Presint 18(1)

Disemak oleh:

(NORAI DAH BINTI MISPARI)
GKMP Kemanusiaan
SMK Putrajaya Presint 18(1)

Disahkan oleh:

(SHARIFAH ZUKHAIREEN BINTI
SYED ZULFLIDA)
PK Pentadbiran
SMK Putrajaya Presint 18(1)


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A

(40 markah)

Jawab **semua** soalan.

1. Rajah berikut menunjukkan perundangan dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka



- (a) Nyatakan perkara-perkara yang terkandung dalam undang-undang tersebut.

(i).....

(ii).....

(2 markah)

- (b) Kedua-dua undang-undang di atas menyatakan tentang perbuatan dan hukuman terhadap kesalahan jenayah. Buktikan.

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- (c) Mengapakah kedua-dua sumber undang-undang tersebut perlu dipelihara?

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

2. Pada 1 Julai 1946, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

(a) Mengapakah berlakunya penyerahan tersebut?

(i).....

(ii).....

(iii).....

(3 markah
)

(b) Rakyat Sarawak tidak bersetuju dengan penyerahan tersebut. Apakah faktor yang mendorong penentangan mereka?

.....

.....

.....

.....

.....

(3 markah)

(c) Penentangan rakyat Sarawak terhadap penyerahan negeri mereka kepada British adalah wajar. Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

3. Pindaan perlembagaan di negara kita antaranya telah dilaksanakan pada tahun 1963 dan tahun 1965.

- (a) Mengapakah kedua-dua pindaan perlembagaan tersebut dilakukan?

1963 :

1965 :

(2 markah)

- (b) Jelaskan perkara yang terkandung dalam pindaan perlembagaan pada tahun 1963.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa? Berikan penjelasan anda.

.....
.....
.....

.....

.....

.....

(4 markah)

4. Pernyataan berikut menerangkan kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Negara.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- (a) Senaraikan **dua** langkah untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(i).....

(ii).....

(2 markah)

- (b) Pada pandangan anda, mengapakah penguasaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita.

.....

.....

.....

.....

(4 markah
)

- (c) Petikan akhbar berikut berkaitan usaha memartabatkan Bahasa Melayu.

"Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbabas lagi soal bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata."

Sumber: Berita Harian- 7 September 2019

Berikan cadangan anda untuk memartabatkan penggunaan Bahasa kebangsaan dalam masyarakat masa kini.

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

BAHAGIAN B

(60 markah)

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955.


- (a) Terangkan latar belakang Sistem Ahli. (6 markah)
- (b) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli. (6 markah)
- (c) Sejauhmanakah pelaksanaan Sistem Ahli memberikan faedah kepada pemerintahan negara? (8 markah)

6. Maklumat berikut berkaitan erti kemerdekaan.

...merdeka bukan sekadar bebas dari cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa-apa cara sekalipun.

Sumber: Teks ucapan Hari Merdeka 2018 dalam www.pmo.gov.my

- (a) Bincangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita. (6 markah)
- (b) Gambar 1 berkaitan sambutan kemerdekaan negara kita.



Gambar 1

Sekiranya anda turut berada di Stadium Merdeka semasa pemasyhuran kemerdekaan negara, gambarkan perasaan anda ketika itu. (6 markah)

- (c) Peristiwa kemerdekaan negara perlu dihayati oleh generasi masa kini supaya kedaulatan negara terus terpelihara dan dinikmati generasi akan datang.
Beri ulasan anda. (8 markah)

7. Petikan berikut berkaitan peranan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat.

- Kerjasama pembangunan sosioekonomi
- Kerjasama pembangunan khazanah negara
- Kerjasama pembangunan perumahan rakyat

- (a) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan ekonomi. (6 markah)
- (b) Terangkan strategi kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri. (6 markah)
- (c) Petikan berikut berkaitan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam memberikan kesejahteraan pada negeri dan rakyat.

"Prinsip kuasa eksekutif yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah pada setiap masa bagi menjaga hak semua Kerajaan Negeri dan kebajikan rakyat negeri dengan adil."

Sumber: BH online 21 Oktober 2017

Sejauhmanakah tanggungjawab tersebut ditunaikan? (8 markah)

8. Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

- (a) Jelaskan cadangan yang pernah dikemukakan oleh pegawai British ke arah pembentukan Malaysia. (4 markah)
 - (b) Terangkan langkah-langkah yang telah diambil ke arah pembentukan Malaysia. (8 markah)
 - (c) Jelaskan manfaat pembentukan Malaysia kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia? (8 markah)
9. Gambar menunjukkan logo Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN yang ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 berikutan termeterainya Deklarasi Bangkok



- (a) Jelaskan matlamat penubuhan persatuan tersebut. (4 markah)
- (b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan tersebut. (8 markah)
- (c) “.....Kekuatan Asean , ini banyak didokong oleh prinsip tidak campurtangan yang ‘dilahirkan’ bersama dan prinsip ini banyak menunjangi kerjasama dalam pertubuhan tersebut.....”

sumber: [Researchgate.net/publication](https://www.researchgate.net/publication)

Mengapakah dasar tersebut perlu dikekalkan.

(8 markah)